

MT akan bincang cadangan tubuh Jawatankuasa Rayuan

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan membincangkan cadangan penubuhan Jawatankuasa Rayuan bagi mendengar rayuan ahli yang dikenakan tindakan pada mesyuaratnya akan datang.

Presiden UMNO berkata, cadangan penubuhan badan itu dikemukakan oleh Pengerusi Lembaga Disiplin uarti. Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

Ia bagi menangani rayuan kes yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar tata etika parti termasuk terbabit dalam politik wang.

"Bentuk badan rayuan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat MT yang pertama selepas perhimpunan agung ini," kata Dr. Mahathir pada sidang akhbar selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Soal keanggotaan badan rayuan itu juga akan dibincangkan pada mesyuarat berkenaan, tambahnya.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini bahawa kemungkinan UMNO menubuhkan sebuah jawatankuasa baru

yang bertindak mendengar rayuan ahli yang dikenakan tindakan Lembaga Disiplin kerana melanggar tataetika parti termasuk terbabit dalam politik wang. Menurut laporan itu, penubuhan jawatankuasa tersebut tidak memerlukan pindaan Perlembagaan UMNO kerana ia hanya melibatkan penurunan kuasa MT.

Sementara itu ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung parti, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, cadangan penubuhan jawatankuasa itu adalah berikutan wujud pandangan ahli parti supaya satu badan rayuan ditubuhkan.

"Ahli UMNO memperingatkan saya bahawa bukanlah ada dalam perlembagaan untuk buat rayuan jika tidak puas hati," katanya.

Jawatankuasa Rayuan itu, menurut beliau, jika menjadi kenyataan akan menjadi pelengkap kepada Lembaga Disiplin yang ditubuhkan oleh MT.

Keputusan berhubung penubuhan jawatankuasa itu akan diketahui dalam mesyuarat MT pertama selepas Perhimpunan Agung UMNO kata Abdullah sambil memberitahu beliau telah

berbincang dengan Dr. Mahathir, naib-naib presiden dan ahli-ahli MT.

Mengikut peruntukan perlembagaan parti, badan tertinggi rayuan ialah MT, oleh itu pihak yang tidak bernuas hati dengan tindakan yang dikenakan oleh Lembaga Disiplin akan dikemukakan kepada majlis tersebut.

Abdullah selanjutnya menjelaskan, Lembaga Disiplin merupakan badan bebas yang diwujudkan oleh MT untuk mengambil tindakan terhadap ahli yang melanggar tata etika parti.

"Kita tidak mahu andaian seperti dulu kononnya jika tindakan diambil oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin, maka akan ada kemungkinan pemimpin yang dikenakan tindakan akan berpihak kepada pembangkang dan melindungi orang tertentu," tegasnya.

Katanya, penubuhan Lembaga Disiplin adalah penting memandangkan aspek tersebut amat diperlukan di kalangan ahli parti.

"Ketiadaan disiplin akan melemahkan parti. Tindakan disiplin yang dikenakan selepas diberikan pertimbangan yang adil dan saksama," katanya.